

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi lalat di Daerah Manjung, Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Persekutuan dan DVS Negeri Perak telah mengambil pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang sebagai langkah mengatasi isu lalat di Negeri Perak terutamanya di daerah Manjung.

2. Pendekatan jangka pendek bagi mengatasi masalah lalat di daerah Manjung adalah seperti berikut: -

- i. Pemeriksaan segera oleh pegawai veterinar daerah ke atas ladang-ladang ayam berdasarkan aduan masyarakat;
- ii. Pasukan *Task Force* secara bersepadu ditubuhkan di peringkat Daerah Manjung yang di anggotai oleh beberapa agensi seperti berikut:-
 - a. Pejabat Tanah dan Daerah Manjung;

- b. Majlis Perbandaraan Manjung;
 - c. Pejabat Kesihatan Daerah Manjung;
 - d. Bahagian Penguatkuasaan Veterinar; dan
 - e. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Manjung
- iii. Mengadakan lawatan oleh pegawai Unit Regulatori Jabatan Perkhidmatan Negeri bersama wakil-wakil agensi tersebut termasuk lawatan ladang dan perkampungan persekitaran;
- iv. Menjalankan semburan lalat (*fogging*) di kawasan ladang dan kawasan yang berdekatan;
- v. Memberi khidmat nasihat pengurusan ladang bagi memastikan penternak mengamalkan Amalan Penternakan Yang Baik;
- vi. Meningkatkan kekerapan lawatan oleh pegawai veterinar daerah keatas ladang ayam yang terlibat dengan aduan; dan
- vii. Perundingan oleh Kerajaan Negeri bersama syarikat swasta yang berkeupayaan untuk membeli tinja ayam dari ladang-ladang ternakan ayam untuk diproses bagi penghasilan biogas dan elektrik.
3. Dalam pada itu, bagi memastikan isu ini terus diatasi dalam tempoh jangka masa panjang, beberapa inisiatif telah dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan Negeri antaranya: -
- i. Melaksanakan semakan dan pindaan ke atas Enakmen Perladangan Unggas 2005 bermula pada tahun 2010 melalui Peraturan-peraturan Pengawalan Perladangan Unggas (Lesen) 2010;
 - ii. Penggunaan reban tertutup ke atas ladang-ladang ayam dicadang akan dikuatkuasakan sebelum tahun 2025;

SOALAN NO : 323

- iii. Memastikan kepatuhan terhadap Garis Panduan Pengawasan Lalat di ladang unggas Negeri Perak kepada semua penternak ayam; dan
- iv. Menganjur Seminar Teknologi Kawalan Pencemaran dan Penyakit Industri Unggas antara lain berkenaan Penggunaan Racun Kawalan Lalat Secara Berkesan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Perak.

Sekian, terima kasih.